

25 FEB 2001

SME-Pekerja

KEMENTERIAN PERTAHANAN BERI KENYATAAN BERCANGGAH, DAKWA KESATUAN

PETALING JAYA, 25 Feb (Bernama) -- Kesatuan Pekerja-Pekerja SME Technologies Sdn Bhd. hari ini mendakwa Kementerian Pertahanan telah memberi kenyataan bercanggah berhubung isu penutupan kilang SME Technologies di Sungai Buloh.

Presidennya Mohamad Hassan Othman berkata, pekerja di situ tidak menerima sebarang tawaran kerja daripada SME Ordnance atau anak syarikatnya seperti yang dijelaskan oleh Panglima Angkatan Tentera Jen Tan Sri Mohd Zahidi Zainuddin dalam akhbar baru-baru ini.

"Hanya 20 eksekutif kami ditawarkan kerja manakala 200 orang pekerja serta ahli kesatuan tidak diberi kerja," katanya dalam sidang media di pejabat Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) di sini, hari ini.

Hassan juga menafikan kenyataan Zahidi bahawa SME Technologies hanya disusun semula sebaliknya apa yang berlaku adalah penutupan syarikat itu dan pemberhentian 200 pekerja mulai 1 Mac ini.

"Penutupan syarikat boleh dilihat apabila majikan baru-baru ini mengiklan jawatan kosong dalam akhbar dan kalau para pekerja SME Technologies berminat, mereka harus memohonnya seperti seolah-olah pekerja baru," katanya lagi.

Sementara itu Presiden MTUC Senator Zainal Rampak yang mempengerusikan sidang akhbar itu berjanji akan membawa kes itu ke pengetahuan Kementerian Sumber Manusia dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Zainal juga menyarankan penubuhan satu jawatankuasa khas oleh kerajaan untuk menyiasat dakwaan bahawa SME Technologies ditutup kerana rugi selepas kontrak pembekalan rifel Styernya untuk kira-kira 106,000 pucuk bernilai RM350 juta tamat baru-baru ini.

Difahamkan penutupan SME Technologies ada kaitan dengan penukaran pengurusan SME Industries yang berminat menggabungkan semua anak syarikat iaitu SME Ordnance, SME Aerospace dan SME Technologies kepada sebuah nama baru iaitu National Aerospace Defence Industry (NADI).

Kenyataan Zahidi juga mengelirukan kerana dalam akhbar baru-baru ini, Zahidi ada memberitahu SME Technologies tidak ditutup.

"Peliknya, kalau tidak ditutup mengapa hentikan pekerja," kata Zainal.

-- BERNAMA

SLR RV PR